



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN OGOS 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Ogos 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.6 bagi bulan Ogos 2023, sama seperti yang dilaporkan pada bulan sebelumnya. Ini menunjukkan keyakinan para peniaga terhadap persekitaran ekonomi pada masa ini. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa perniagaan secara amnya menjangka keadaan pasaran akan bertambah baik, peningkatan dalam permintaan produk dan perkhidmatan, serta bermulanya projek-projek baharu. Memandang ke hadapan, indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan berada di tahap 50.1, menunjukkan jangkaan optimistik bagi bulan September 2023. Beberapa faktor yang mendorong keyakinan ini termasuk jangkaan permintaan akan lebih kukuh selepas musim cuti persekolahan serta kemungkinan projek baharu yang akan diberikan kepada sebilangan syarikat.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan Ogos 2023, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.5 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga dijangka akan meningkatkan tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan Ogos 2023 dan bulan-bulan seterusnya. Peningkatan ini adalah selaras dengan rancangan pengembangan perniagaan yang termasuk pembesaran dan

pengubahsuaian fasiliti; dan pembelian peralatan, mesin dan kenderaan. Sebahagian perniagaan juga merancang untuk meningkatkan inventori, menaiktaraf sistem IT, dan juga membeli lebih banyak bahan dan peralatan berkaitan dengan projek.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi bulan Julai 2023 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Seperti tren sebelumnya, perniagaan dijangka akan meningkatkan jumlah pekerja yang termasuk perantis i-Ready dan pekerja sementara pada bulan Ogos dan September 2023. Bagi kebanyakan perniagaan, pengambilan pekerja ini adalah selaras dengan keperluan projek baharu dan usaha perkembangan perniagaan. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan mengongsikan beberapa cabaran yang berterusan untuk mengatasi isu kekurangan pekerja, disebabkan oleh kadar pusing ganti pekerja tempatan yang tinggi dan proses pengambilan pekerja asing yang mengambil masa yang lama.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.6 bagi bulan Ogos 2023, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan dijangka akan meningkat bagi bulan Ogos dan September 2023. Ini adalah berkaitan dengan kos operasi yang lebih tinggi dengan peningkatan aktiviti dan projek. Hasil kaji selidik juga menunjukkan jangkakan peningkatan kos pembayaran gaji disebabkan pengambilan pekerja sebelumnya, dan peningkatan kos perniagaan yang disebabkan oleh pembayaran caruman majikan kepada Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang baru dilaksanakan.¹ Beberapa perniagaan juga menjangka kos akan meningkat dengan pengendalian gaji minima secara berfasa.²

BSI Ogos 2023	
Keadaan Perniagaan	50.6
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.5
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.6
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.3

8. Dari segi **sektor ekonomi**, lima daripada sebelas sektor mencatat sentimen optimistik bagi bulan Ogos 2023. Sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan menunjukkan sentimen optimistik yang tertinggi pada tahap 50.8. Secara amnya, perniagaan dalam sektor ini menjangka keuntungan yang lebih tinggi dengan keadaan pasaran yang lebih baik, serta peningkatan kapasiti pengeluaran setelah pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan. Sektor Pembinaan juga melaporkan sentimen optimistik pada bulan Ogos 2023 dengan permulaan aktiviti bagi projek-projek baharu, manakala sektor-sektor Kewangan dan Insurans; Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman; dan Perkhidmatan Lain pula menjangka permintaan yang lebih tinggi bagi produk dan perkhidmatan mereka. Di sebaliknya, hasil kaji selidik menunjukkan tiga sektor mempunyai sentimen pesimistik berbanding bulan sebelumnya. Sektor Kesihatan dan Pendidikan, dan sektor Pengangkutan dan Komunikasi mencatatkan sentimen pesimistik atas jangkakan penurunan

¹ Pelaksanaan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK), yang menggantikan skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP), diumumkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke-77 pada 15 Julai 2023.

² Sumber: <https://www.mpec.gov.bn/Pages/EmploymentPolicy.aspx?Page=EmploymentMinimumWageOrder#>

permintaan terhadap perkhidmatan masing-masing. Perniagaan dalam sektor Pembuatan juga menjangka penurunan dalam prestasi berbanding dengan bulan Julai 2023 yang sebelumnya terdapat banyak acara dan aktiviti. Tiga sektor yang lain melaporkan keadaan perniagaan yang sama dengan bulan Julai 2023.

Keadaan Perniagaan Ogos 2023 Mengikut Sektor	
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.8
Kewangan & Insurans	50.4
Pembinaan	50.3
Perkhidmatan Lain	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.1
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Hotel & Restoran	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	50.0
Kesihatan & Pendidikan	49.9
Pembuatan	49.9
Pengangkutan & Komunikasi	49.4

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz mikro, sederhana dan besar menjangka keadaan yang lebih baik bagi bulan Ogos 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya disebabkan peningkatan aktiviti perniagaan, projek, dan permintaan bagi produk dan perkhidmatan. Sementara itu, perniagaan bersaiz kecil melaporkan keadaan lebih kurang sama pada bulan Ogos 2023 berbanding dengan bulan Julai 2023.

Keadaan Perniagaan Ogos 2023 Mengikut Saiz	
Mikro	50.2
Kecil	50.0
Sederhana	50.1
Besar	50.1

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 16 Rabiulawal 1445H / 2 Oktober 2023M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkakan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Ogos 2023



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.